MBJB mewujudkan sasaran bagi pengurusan antirasuah dengan menggariskan kawalan, semakan, latihan dan komunikasi melalui Pelan Tindakan SPAR pada fungsi dan tahap yang relevan dan perancangan untuk mencapainya.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Pelan Tindakan SPAR | Inisiatif SPAR mengikut prinsipal TRUST | https://drive.google.com/drive/folders/18Pk2dAork2u7tItXoDnsAtAFwMiCoTfq?usp=drive_link |

## 6.3 Perancangan Perubahan

MBJB merancang perubahan yang sudah dikenal pasti dan melaksanakannya secara terancang supaya segala tindakan yang dilakukan semasa perubahan dilaksanakan dengan penuh berintegriti.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Rekod Tindakan Pembetulan | Perancangan Pelaksanaan Tindakan Pembetulan Bagi Tahun yang Berkenaan | |

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Rekod Perolehan Perkakasan/ Perisian Baharu | Perancangan latihan dan lain-lain ke atas perkakasan/perisian Baharu yang menambahbaik proses kerja | |
| Daftar Risiko Rasuah | Tindakan Untuk Menangani Risiko Dan Peluang | **Unit Integriti / Jabatan-jabatan di MBJB** |
| Nota Serah Tugas | Jika berlaku pertukaran penempatan, ada Nota Serah Tugas untguk pegawai yang menggantikan. | |
| Surat Penurunan Kuasa | Menggariskan dengan jelas penurunan kuasa agar tidak berlaku penyelewengan. | |

## 7.0 SOKONGAN

### 7.1 Sumber

MBJB menentukan dan menyediakan sumber (contohnya sumber manusia, sumber berbentuk fizikal seperti ruang pejabat / perabot, peralatan komputer dan sistem, peralatan latihan, peranti mudah alih, telefon, alat tulis dan sumber kewangan) yang diperlukan bagi mewujud, melaksana, menyelenggara dan membuat penambahbaikan berterusan SPAR.

Dokumen Rujukan :

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Pelan Strategik MBJB | Perancangan dan Pencapaian Aktiviti-aktiviti UIPP<br>S1.13 Memperkasa perkhidmatan awam melalui pembudayaan integriti di kalangan anggota MBJB. | https://www.mbjb.gov.my/ms/info-mbjb/profil/pelan-strategik-mbjb-2021-2025 |
| Bajet Tahunan | Peruntukan untuk SPAR | Jabatan Perbendaharaan |

### 7.2 Kompetensi

#### 7.2.1 Am

a) Mengenalpasti kompetensi yang diperlukan oleh pekerja yang melaksanakan tugasannya yang memberi kesan terhadap prestasi antirasuah;

b) Memastikan setiap pekerja adalah kompeten berdasarkan pendidikan, latihan atau pengalaman yang bersesuaian;

c) Mengambil tindakan yang bersesuaian bagi memperoleh dan mengekalkan kompetensi yang diperlukan dan menilai keberkesanan tindakan;

d) Menyimpan rekod yang berkaitan sebagai bukti kompetensi.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| MySAM | Senarai Kursus yang dihadiri oleh warga kerja MBJB | https://mobile.mbjb.gov.my/mbjb/mob/men/sah.asp |
| Sijil Kehadiran/ Sijil Kompetensi | Sijil Penyertaan | Bahagian Pengurusan Kualiti dan Latihan |
| e-Aplikasi | Pentadbiran/Anggota/Aktiviti (Laporan: Aktiviti) | http://10.0.2.24/spm$/menu/login.asp |

### 7.2.2 Proses Pengambilan Warga Kerja

7.2.2.1 Melaksanakan prosedur berikut terhadap semua pekerja:

a) Syarat pelantikan menetapkan semua pekerja mematuhi Polisi Antirasuah dan SPAR. MBJB berhak untuk mendisiplinkan pekerja sekiranya berlaku ketidakpatuhan;

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Surat Setuju Terima<br>- Mengikut PK Pengurusan Pelantikan PK(S)-MBJB-10 | Penyataan terhadap sebarang pelanggaran tatakelakuan akan dikenakan Tindakan tatatertib | Bhg. Sumber Manusia |
| SURAT AKU JANJI [Subkaedah 17(3)]<br>AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976<br>Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2023 | Penyataan jika warga kerja MBJB disabitkan kerana melanggar Aku Janji ini, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut KaedahKaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Tatatertib dan Kelakuan) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2023 | https://www.mbjb.gov.my/sites/default/files/inline-files/WARTA%20KAEDAH%20TATATERTIB%20%26%20PELANTIKAN%20MBJB%20%282%29_0.pdf |

b) Dalam tempoh perkhidmatan, pekerja yang dilantik diberikan latihan dan pendedahan kepada Polisi Antirasuah serta mendapat salinan atau akses kepada Polisi;

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Taklimat ringkas | Penyampaian mengenai Polisi Antirasuah | Bhg. Sumber Manusia |
| Senarai Kehadiran | Kedatangan warga kerja | Bhg. Pengurusan Kualiti dan Latihan |

c) Mempunyai prosedur yang membolehkannya mengambil tindakan tatatertib yang sesuai terhadap pekerja yang melanggar Polisi Antirasuah atau SPAR;

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Kelakuan Dan Tatatertib) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2023 | Prosedur pengendalian Tindakan tatatertib | Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2023 dan |
| Polisi Konflik Kepentingan | | |

d) Pekerja tidak akan dikenakan hukuman, diskriminasi atau tindakan tatatertib sekiranya:

i) Menolak untuk mengambil bahagian atau terlibat apa-apa aktiviti yang mana mempunyai potensi risiko rasuah; atau

ii) Laporan yang dibuat ke atas pelanggaran Polisi Antirasuah, cubaan / disyaki / rasuah (kecuali individu itu terlibat dalam pelanggaran).

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Polisi Perlindungan Pemberian Maklumat | Pelindungan kepada pemberi maklumat | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |
| Polisi Integriti dan Antirasuah (Anti-Retaliation) | Pelindungan kepada warga yang menolak perlakuan rasuah | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |

7.2.2.2 MBJB melaksanakan beberapa prosedur bagi mana-mana jawatan yang terdedah kepada risiko melebihi tahap rendah antaranya:-

a) BPSM membuat tapisan terhadap kelayakan calon jawatan tetap/ kontrak sebelum diambil bekerja dalam perkhidmatan awam. BPSM juga melaksanakan ketekunan wajar ke atas calon sebelum pengesahan dalam perkhidmatan, ditukarkan atau dinaikkan pangkat. Antara inisiatif ketekunan wajar adalah:
   (i) e-Vetting (Tapisan Keselamatan Sektor Awam)
   (ii) eSTK (Sistem Tapisan Keutuhan Elektronik), dikawal selia oleh SPRM, atau
   (iii) Semakan MQA (Malaysian Qualification Accreditation), atau
   (iv) Semakan Sijil melalui Universiti/ sekolah yang berkaitan, atau
   (v) Semakan Sijil Lembaga Profesional yang berkaitan, atau
   (vi) Semakan Pengiktirafan Gelaran dengan Pejabat Istana / Pejabat Tuan Yang Terutama (TYT), atau
   (vii) Semakan Kebankrapan melalui Jabatan Insolvensi, atau

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| PK(S)-MBJB-10 | Pengurusan Pelantikan | Bhg Sumber Manusia |
| PK(S)-MBJB-11 | Pengurusan Kenaikan Pangkat | Bhg Sumber Manusia |
| Dasar Sumber Manusia | Pengurusan Pusingan Kerja Warga kerja | Bhg Sumber Manusia |

b) Menyemak secara berkala semua jenis pemberian bonus, sasaran prestasi dan lain-lain insentif adalah bersesuaian untuk mencegah mereka daripada terlibat dengan rasuah; dan

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2025 | Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Dibawah Sistem Saraan Malaysia | Bhg Sumber Manusia |
| SOP Permohonan Pinjaman Kenderaan | Permohonan Pinjaman Kenderaan | Bhg Sumber Manusia |
| SOP Permohonan Pinjaman Komputer | Permohonan Pinjaman Komputer | Bhg Sumber Manusia |
| Pekliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2012 | Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang | Bhg Sumber Manusia |
| Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Kelakuan Dan Tatatertib) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2023 | Keterhutangan Serius | Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2023 dan |

c) Datuk Bandar, Setiausaha, timbalan setiausaha dan semua warga kerja MBJB perlu membuat pengisytiharan secara berkala bagi mengesahkan pematuhan mereka terhadap Polisi Antirasuah.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Sistem HRMIS 2.0 | Profil Peribadi | https://hrmis2.eghrmis.gov.my/HRMISNET/Common/Main/Login.aspx |
| Kaedah 14<br>Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Kelakuan Dan Tatatertib) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2023 | Pemunyaan Harta | Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2023 dan |
| Ceraian UP.7.2.6: MyPPSM | Pemilikan dan Perisytiharan Harta Oleh Pagawai Awam | https://docs.jpa.gov.my/docs/myppsm/PPSM/UP/Tatakelakuan-dan-Pengurusan-Tatatertib-Pegawai-Awam/ |
| PK 1.6<br>Perjanjian Integriti | Perisytiharan Konflik Kepentingan | https://ppp.treasury.gov.my/ |

## 7.3 Kesedaran dan Latihan

MBJB telah menyediakan kesedaran dan latihan-latihan berkaitan dengan SPAR yang bersesuaian dan mencukupi kepada semua warga kerja MBJB. Latihan kesedaran merangkumi:

### 7.3.1 Kesedaran Warga Kerja

a) Polisi Antirasuah, Prosedur dan SPAR serta tanggungjawab untuk mematuhi;
b) Sumbangan mereka terhadap keberkesanan SPAR;
c) Akibat ketidakpatuhan kepada SPAR;
d) Prosedur antirasuah dan SPAR serta tanggungjawab untuk mematuhi;
e) Faedah aduan rasuah yang disyaki;
f) Bagaimana dan kepada siapa laporan boleh dikemukakan; dan lain-lain berdasarkan keperluan;

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Polisi Perlindungan Pemberian Maklumat | Pelindungan kepada pemberi maklumat | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |
| Polisi Integriti dan Antirasuah (Anti-Retaliation) | Pelindungan kepada warga yang menolak perlakuan rasuah | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |
| Modul Pengukuhan Governans dan Integriti (MPGIA) | Kandungan Kursus berkaitan Integriti kepada warga kerja | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |

### 7.3.2 Latihan Untuk Warga Kerja

a) Polisi dan prosedur yang berkenaan;
b) Risiko rasuah dan kesannya kepada mereka dan organisasi yang menjurus kepada penglibatan dalam rasuah;
c) Keadaan di mana rasuah berlaku dalam tugasan mereka dan bagaimana untuk mengenalpasti keadaan tersebut;
d) Bagaimana untuk mengenalpasti dan bertindak keatas permintaan atau penawaran rasuah;
e) Bagaimana untuk menghalang dan menolak rasuah serta mengenalpasti Petunjuk Prestasi Rosiko Rasuah (Key Bribery Risk Indicator);
f) Maklumat mengenai latihan dan sumber-sumber yang ada.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Polisi Perlindungan Pemberian Maklumat | Pelindungan kepada pemberi maklumat | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Polisi Integriti dan Antirasuah (Anti-Retaliation) | Pelindungan kepada warga yang menolak perlakuan rasuah | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |
| Modul Pengukuhan Governans dan Integriti (MPGIA) | Kandungan Kursus berkaitan Integriti kepada warga kerja | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |
| Prosedur Kualiti Pengurusan Risiko | cara mengenalpasti, menganalisa dan menangani ririko rasuah | |

### 7.3.3 Latihan Rakan Niaga

Berdasarkan Risiko rasuah yang telah dikenalpasti (rujuk kepada kalusa 4.5), MBJB melaksanakan prosedur untuk pelaksanaan latihan antirasuah kepada rakan niaga dan yang mempunyai risiko rasuah bertahap lebih daripada rendah. Polisi Kod Etika Rakan Niaga mengenalpasti senarai rakan niaga yang berkenaan perisian latihan dan kaedah latihan.

Rekod-rekod latihan diatas hendaklah disimpan sebagai bukti pelaksanaan latihan.

Keperluan latihan untuk rakan niaga boleh dimasukkan ke dalam perjanjian antara rakan niaga dan MBJB atau disampaikan oleh MBJB sendiri atau oleh rakan niaga sendiri atau oleh pihak yang lain.

Nota:
Rakan Niaga (Pihak berkepentingan seperti *pembekal serta pelanggan yang berisiko tinggi)*

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Polisi Perlindungan Pemberian Maklumat | Pelindungan kepada pemberi maklumat | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |
| Polisi Integriti dan Antirasuah (Anti-Retaliation) | Pelindungan kepada rakan niaga | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |
| Video pendek berkaitan Integriti yang akan dibangunkan | Kandungan video berkaitan Integriti kepada rakan niaga | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Taklimat Tapak | • Taklimat kesedaran integriti daripada Ketua Unit Integriti kepada Kontraktor<br>• Edaran risalah berkaitan kesedaran integriti daripada Unit Integriti kepada Kontraktor | |
| Townhall Bersama Pemegang Lesen dan Peniaga | • Taklimat kesedaran integriti daripada Ketua Unit Integriti kepada kepada Pemegang Lesen dan Peniaga<br>• Edaran risalah berkaitan kesedaran integriti daripada Unit Integriti Pemegang Lesen dan Peniaga | |
| Daftar Risiko Rasuah | Terdapat kerperluan pemegang taruh di dalam Daftar Risiko Rasuah | |
| Polisi Kod Etika Rakan Niaga | Menggariskan prinsip-prinsip dan tahap tingkah laku yang dijangka daripada setiap rakan niaga, pekerja-pekerja mereka, sub-kontraktor, kontraktor dan sub-rakan niaga MBJB dalam memenuhi pemberian atau pelaksanaan kontrak barangan, perkhidmatan, kerja dan perolehan Am. | |

### 7.3.4 Program Kesedaran Dan Latihan

Warga kerja hendaklah diberikan kesedaran dan latihan antirasuah dari titik mula berkhidmat dengan MBJB dan secara berkala yang ditentukan oleh pihak MBJB, bersesuaian dengan tanggungjawab dan peranan warga kerja tersebut. Program ini dikemaskini mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| MySAM | Senarai Kursus yang dihadiri oleh warga kerja MBJB | https://mobile.mbjb.gov.my/ mbjb/mob/men/sah.asp |
| Sijil Kehadiran/ Sijil Kompetensi | Sijil | Bahagian Pengurusan Kualiti dan Latihan |
| Senarai Kehadiran | Kehadiran peserta | Bahagian Pengurusan Kualiti dan Latihan |
| PK Latihan dan Pembangunan Staf | Kehadiran menggunakan QR Code | Bahagian Pengurusan Kualiti dan Latihan |
| Buku Rekod Konsultan/ Perunding | Profil Syarikat/ Konsultan/ Perunding/ Agenda / Kandungan Kursus | Bahagian Pengurusan Kualiti dan Latihan |
| Pelan Tindakan SPAR | Perihal Latihan | https://www.mbjb.gov.my/ms/SPARmbjb |

## 7.4 Komunikasi

MBJB menyediakan perancangan komunikasi dalaman dan luaran bagi membolehkan SPAR disampaikan secara effektif dan effisien.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Pelan Tindakan SPAR | Perancangan komunikasi dalaman dan luaran | https://www.mbjb.gov.my/ms/SPARmbjb |

## 7.5 Maklumat Berdokumen

### 7.5.1 Umum

MBJB mewujudkan sistem kawalan ke atas maklumat berdokumen mengikut kawalan dokumen dan kawalan rekod

### 7.5.2 Pembangunan dan Pindaan

MBJB mewujudkan atau mengemas kini maklumat bertulis berkaitan kawalan anti-rasuah, MBJB sentiasa memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan dengan betul:

(a) Identifikasi dan Deskripsi: Setiap dokumen mesti mempunyai pengenalan yang jelas. Ini termasuklah tajuk, tarikh, nama penyedia, atau nombor rujukan/kod dokumen.
(b) Format dan Media: MBJB menentukan format dokumen dengan menggunkan Bahasa Melayu, Perisian *Microsoft Word* dan grafik yang dan media penyimpanan yang digunakan salinan digital/pdf, sistem awan, dan salinan fizikal/kertas.
(c) Semakan dan Kelulusan (*Review and Approval*): Ini adalah bahagian paling penting. Sebelum sesuatu dokumen (seperti Polisi Anti-Rasuah atau Polisi Ketekunan Wajardan sebagainya) diedarkan atau digunakan, ia mestilah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am untuk memastikan dokumen tersebut sesuai dan memadai (*suitability and adequacy*).

### 7.5.3 Kawalan Maklumat yang Didokumentasikan

MBJB memastikan semua dokumen dan rekod SPAR dikawal selia dengan ketat supaya ia sentiasa sah, selamat, dan boleh diakses oleh pihak yang sepatutnya. Kawalan ini terbahagi kepada dua fokus utama:

#### 7.5.3.1 Memastikan Dokumen Tersedia dan Dilindungi

MBJB memastikan maklumat bertulis Tersedia dan Sesuai untuk Digunakan, Dilindungi dengan Secukupnya

#### 7.5.3.2 Aktiviti Kawalan Dokumen

MBJB mewujudkan aktiviti bagi mengendalikan Pengedaran, Akses, Carian, dan Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeliharaan, Kawalan Perubahan (Versi), Tempoh Simpanan (*Retention*) dan Pelupusan

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Senarai Induk Dokumen SPAR | Senarai Lengkap:<br>• Polisi, Prosedur, Garis Panduan, Peraturan, Pekeliling, Memo, Arahan dari MBJB dan Pihak Luar yang berkaitan<br>• Akta dan Undang-undang sebagaimana dalam klausa 4.1 (h) dan 4.2 | |
| PK(Peng)-MBJB-05 | Kawalan Dokumen | Jabatan Khidmat Pengurusan |
| PK(Peng)-MBJB-06 | Kawalan Rekod Kualiti | Bahagian Pengurusan Kualiti & Latihan |
| Arahan Keselamatan | Pengurusan fail terperingkat | Jabatan Khidmat Pengurusan |
| Dasar Keselamatan ICT | Pengurusan maklumat dalam ICT | Bahagian Teknologi Maklumat |
| Polisi Etika Penggunaan Media Sosial | Pengurusan maklumat dalam Media Sosial dan penerbitan | Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran |
| Sistem Pengurusan Fail | Digital Document Management System (DDMS) | Bahagian Pentadbiran |
| Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) | Pewujudan, pemerolehan, jagaan, pemeliharaan, penggunaan dan pengurusan arkib awam dan rekod awam; dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya | https://www.arkib.gov.my/images/akta-pekeliling-garis-panduan/Akta%20Arkib%20Negara%202003%20629.pdf |

## 8.0 OPERASI

### 8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi

MBJB mempunyai perancangan dan kawalan dalam melaksanakan semua proses kerja.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Semua PK dan SOP | Proses Kerja | Bahagian Pengurusan Kualiti dan Latihan |

### 8.2 Ketekunan Wajar (*Due Diligence*)

MBJB melaksanakan ketekunan wajar (*due diligence*) ke atas risiko yang melebihi risiko rendah yang melibatkan perkara-perkara seperti berikut:

a) Apa-apa transaksi projek dan aktiviti yang berkaitan dengan skop SPAR MBJB yang difikirkan wajar;

b) Rakan niaga;

c) Jawatan-jawatan yang mudah terdedah dengan korupsi;

Dokumen Rujukan :

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| PP PK 2.2 | Tender Terbuka | https://ppp.treasury.gov.my/ |
| PP PK 2.9 | Sebut Harga Minimum 3 Pelawaan dan Pengiklanan | https://ppp.treasury.gov.my/ |
| iPerolehan | Sistem Pengurusan Tender & Sebut Harga | https://aplikasi.mbjb.gov.my/appIperolehan/ |
| jNilai | Sistem dari JKR untuk tender berkaitan kerja (bawah kod bidang CIDB) | |
| Prosedur Kerja Lantikan Terus | Lantikan Terus | |
| PK 7 Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan | Lantikan Terus Untuk Rundingan Harga (Lebih RM50,000.00) | |

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| PK 2.11 | Lantikan Terus & Kerja-Kerja Requisition | https://ppp.treasury.gov.my/ |
| PK 2.10 | Bekalan Perkhidmatan sehingga RM50,000.00 | https://ppp.treasury.gov.my/ |
| | ketekunan wajar ke atas Pembekal | |
| Semakan Maklumat Peribadi Warga Kerja | Rekod Semakan Peribadi Warga Kerja yang berkaitan | Sistem HRMIS<br>CTOS<br>CCRIS |
| SOP Pengurusan Senjata Api | Rekod Semakan Peribadi Pelawat/Auditor di Bilik Senjata MBJB | |

## 8.3 Kawalan Kewangan

MBJB mempunyai dan melaksanakan kawalan kewangan bagi menguruskan segala bentuk penerimaan dan bayaran bagi mengelakkan rasuah.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Arahan Perbendahaan | | https://pnj.johor.gov.my/pekeliling/ |
| Pekeliling Perbendaharaan<br>- Perolehan (PK2)<br>- Bayaran (PK4) | | https://ppp.treasury.gov.my/ |
| Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan & Perkara Am | Pelaporan Prestasi Kewangan | https://apl.mbjb.gov.my/emm |
| Penurunan Kuasa | Kuasa Menandatangani Cek/EFT | Unit Undang-undang |
| Diskripsi Kerja | Pegawai yang diberi kuasa | Jabatan Perbendaharaan |
| PK Pengurusan Bayaran | Panjar Wang Runcit | Jabatan Perbendaharaan |
| | Penerimaan bayaran secara elektronik | Jabatan Perbendaharaan |

## 8.4 Kawalan Bukan Kewangan

MBJB mempunyai dan melaksanakan kawalan bukan kewangan bertujuan mengawal dan mengurangkan risiko rasuah ke atas semua proses.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Semua PK dan SOP | Semua Proses Kerja | Bahagian Pengurusan Kualiti dan Latihan |

## 8.5 Pelaksanaan Kawalan Antirasuah Ke atas Rakan Niaga

MBJB melaksanakan beberapa langkah kawalan terhadap rakan niaga bagi mengawal dan mengurangkan risiko rasuah.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| PP PK 1.6 Integriti Dalam Perolehan Kerajaan | Pelaksanaan *Integrity Pact* | https://ppp.treasury.gov.my/ |

## 8.6 Komitmen Antirasuah

MBJB sentiasa melaksanakan prosedur yang memerlukan komitmen pihak kepentingan seperti berikut:

a) Prosedur Surat Setuju Terima memaklumkan mengenai komitmen bebas rasuah; dan

b) Mengenakan klausa yang membolehkan hubungan dengan rakan niaga disingkirkan atau ditarik balik di dalam perjanjian kontrak.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Perjanjian/ Dokumen Kontrak | Komitmen antirasuah dalam perjanjian | |

## 8.7 Hadiah, Hospitaliti, Derma Dan Faedah Yang Serupa

MBJB melaksanakan kawalan untuk menguruskan penerimaan hadiah, hospitaliti, derma dan faedah yang serupa.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| My PPSM (u.p ceraian 7.2.5) | Pemberian dan Penerimaan Hadiah | https://docs.jpa.gov.my/docs/myppsm/PPSM/UP/Tatakelakuan-dan-Pengurusan-Tatatertib-Pegawai-Awam/ |
| Polisi Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan | | https://www.mbjb.gov.my/sites/default/files/2024-12/23.0.JKPA11.2024-POLISI%20Peng%20Penerimaan%20Pemberiaan%20HKT_JKPA201124MP301124_KK16012024_L1.pdf |
| Kod Etika | Pemberian dan Penerimaan Hadiah | https://www.mbjb.gov.my/en/penerbitan/citra-unggul |

## 8.8 Menguruskan Ketidakcukupan Kawalan Antirasuah

Sekiranya ketekunan wajar (*due diligence*) masih belum mampu mengawal risiko rasuah, MBJB boleh mengambil langkah-langkah bersesuaian dan praktikal bagi menangani risiko rasuah dan sifat transaksi, projek, aktiviti atau apa-apa hubungan yang spesifik dengan rakan perniagaan seperti dengan menggunakan mekanisme menyingkirkan, tidak menyambung semula, menggantung atau mengeluarkan daripada penglibatannya.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Kontrak Perolehan | | |
| PK 8<br>Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan | Punitif ke atas ketidakpatuhan | Bahagian Perolehan |

## 8.9 Pengurusan Aduan Antirasuah, Integriti Dan Governans

MBJB telah mempunyai Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans | Polisi yang berkaitan dengan pemberian maklumat | https://www.mbjb.gov.my/flipbook/5 |
| Kaedah Pemberian Maklumat | Kaedah pemberian maklumat kepada:<br>• Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran MBJB<br>• SPRM | |
| Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat | | |
| Polisi Pengurusan Gangguan Seksual | | |

## 8.10 Pengesanan Dan Pengesahan

MBJB telah melaksanakan prosedur pengesanan dan pengesahan yang dilaksanakan oleh pegawai dari Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| SOP Pengesanan dan Pengesahan | Pengesanan & Pengesahan | Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran |
| Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans | Perlindungan Pemberi Maklumat<br>Perkara 6.4: Penapisan dan Penilaian Awal Pendedahan Maklumat<br>Perkara 6.6: Proses siasatan dan keputusan pendedahan oleh pemberi maklumat | Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran |
| Surat Pelantikan Pegawai Penyiasat | Tanggungjawab dan peranan pegawai penyiasat yang dilantik | |
| Rekod Kompetensi sebagai pegawai penyiasat | Pembuktian kompetensi pegawai penyisat yang dilantik | |
| Rekod siasatan aduan | Pembuktian siasatan yang dilaksanakan/ Diari Siasatan | |
| Laporan Siasatan | Laporan hasil dari siasatan yang dilaksanakan | |

# 9.0 PENILAIAN PRESTASI

## 9.1 Pemantauan, Pengukuran, Analisis Dan Penilaian

MBJB telah menjalankan pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian ke atas prestasi SPAR melalui Pelan Tindakan SPAR dan Pelan Antirasuah MBJB (2024-2028) (OACP-MBJB).

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Pelan Tindakan SPAR | • Inisiatif untuk pengurusan antirasuah<br>• Kajian Keberkesanan Pelaksanaan SPAR di MBJB | https://www.mbjb.gov.my/ms/SPARmbjb |
| Buku Pelan Antirasuah MBJB 2024-2028 (OACP-MBJB) | | |

## 9.2 Audit Dalaman SPAR

### 9.2.1 Umum

MBJB telah membuat pelantikan Juraudit Dalaman bagi menjalankan audit dalaman SPAR sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam satu tahun kalendar. Audit Dalaman telah dijalankan mengikut kepada tatacara pengurusan audit.

### 9.2.2 Program Audit Dalam

MBJB merangka, mewujud, dan menyelenggara Program Audit Dalaman SPAR tahunan yang menyeluruh. Jadual dan kekerapan pelaksanaan audit bagi adalah satu (1) tahun sekali dan menumpukan kepada tahap risiko yang dinyatakan di dalam Daftar Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management* - CRM). Jabatan yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi terutamanya yang mengendalikan urusan perolehan awam, kelulusan pelesenan, penilaian hartanah, dan tindakan penguatkuasaan diberi keutamaan pelaksanaannya di dalam program audit. Program audit disemak secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan dengan sebarang perubahan struktur dinamik atau isu integriti semasa yang timbul.

### 9.2.3 Prosedur, Kawalan dan Sistem Audit

MBJB menetapkan kriteria, skop, dan metodologi audit yang jelas yang merangkumi semakan dokumen, temu bual kakitangan, dan pemerhatian tapak. Sistem pengendalian audit berpandukan Prosedur Operasi Standard (SOP) Audit Dalaman yang diluluskan. Pihak jawatankuasa audit bertanggungjawab memastikan semua penemuan, bukti audit, serta ketidakakuran (NCR) direkodkan secara sistematik menggunakan sistem fail yang dikawal selia. Semua hasil penemuan dan laporan akhir audit tersebut mestilah dikemukakan dengan segera kepada Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran serta dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) PBT untuk tindakan pembetulan dan pemantauan kawalan dalaman."

### 9.2.4 Objektif dan Bebas Berkecuali

Proses Audit Dalaman SPAR dilaksanakan dengan objektif, telus, dan bebas daripada sebarang bentuk pengaruh atau berat sebelah (*impartiality*). Bagi menjamin prinsip berkecuali ini, juruaudit dalaman yang dilantik oleh pentadbian adalah dilarang sama sekali daripada mengaudit fungsi, proses, atau jabatan/unit yang menjadi tanggungjawab hakiki mereka sendiri. Juruaudit hendaklah melaksanakan tugas dengan penuh integriti tanpa wujud konflik kepentingan. Sekiranya wujud sebarang percubaan untuk menjejaskan kebebasan juruaudit sepanjang proses penilaian, perkara tersebut hendaklah dilaporkan secara terus kepada Datuk Bandar demi memastikan ketegasan sistem pengawasan integriti MBJB sentiasa terpelihara pada masa hadapan.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| PK Audit Dalaman | Proses pelaksanaan audit | Unit Audit Dalam |
| Rekod Kompetensi Juruaudit Dalam | Pembuktian Kelayakan Juruaudit Dalam | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |
| Surat Lantikan | Lantikan Juruaudit SPAR | Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran |
| Rekod Pelan Perancangan Audit Dalaman | Perancangan Tahunan Audit Dalaman | Unit Audit Dalam |
| Rekod Audit Dalaman | Pembuktian Pelaksanaan Tahunan Audit Dalaman | Unit Audit Dalam |

## 9.3 Kajian Semula Pengurusan

### 9.3.1 Umum

MBJB menjalankan Kajian Semula Pengurusan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP). Ini adalah bagi memastikan kesesuaian, kecukupan, keberkesanan dan keselarasan yang berterusan dengan hala tuju strategik MBJB.

MBJB membuat Kajian Semula dengan Badan Pentadbir *(Governing Body)* berdasarkan maklumat daripada Kajian Semula Pengurusan.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am, MBJB | Pelaporan SPAR | https://apl.mbjb.gov.my/emm |
| Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan | Pelaporan SPAR | |
| Printah Tetap Mesyuarat | Peranan dan Fungsi Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am, MBJB | Unit Undang-undang |

### 9.3.2 Input Kajian Semula Pengurusan

Agenda bagi Kajian semula pengurusan adalah seperti berikut:

a) Status tindakan daripada kajian semula pengurusan yang terdahulu;
b) Perubahan dalam isu-isu luaran dan dalaman yang relevan dengan SPAR MBJB;
c) Perubahan dalam kehendakan dan jangkaan pihak berkepentingan yang relevan dengan SPAR MBJB;
d) Maklumat prestasi dan SPAR MBJB termasuk trend dalam:
   1) Ketidakakuran dan tindakan pembetulan;
   2) Keputusan pemantauan dan pengukuran;
   3) Keputusan audit;
   4) Laporan rasuah;
   5) Penyiasatan;
   6) Situasi dan trend risiko rasuah yang dihadapi;
e) Peluang untuk penambahbaikan; dan
f) Keberkesanan tindakan yang diambil bagi menangani risiko rasuah.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Minit Mesyuarat JTK, peringkat MBJB | Kajian Prestasi SPAR | https://apl.mbjb.gov.my/emm |
| Notis | Surat Panggilan Mesyuarat | |
| Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan | Pelaporan SPAR | |

### 9.3.3 Hasil Kajian Semula Pengurusan

Hasil daripada Kajian Semula Pengurusan perlu merangkumi peluang penambahbaikan yang berkaitan dan keperluan perubahan kepada SPAR.

Rekod Kajian Semula Pengurusan disimpan sebagai bukti pelaksanaan Kajian Semula tersebut.

Rumusan Kajian Semula Pengurusan dilaporkan kepada Badan Pentadbir antirasuah.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Minit Mesyuarat JTK, peringkat MBJB | • Kajian Prestasi SPAR<br>• Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa tentang perancangan penambahbaikan SPAR | https://apl.mbjb.gov.my/emm |
| Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan | Pelaporan SPAR | |

## 9.4 Kajian Semula Oleh Unit Integriti Dan Pemodenan Pentadbiran

Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran telah melaksanakan kajian semula SPAR secara berkala bagi menilai:-

a) Kecukupan kawalan

b) Dilaksanakan secara berkesan.

Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran membuat pelaporan sekurang-kurangnya tiga kali setahun atau bila wujud keperluan secara *ad hoc*.

Dokumen Rujukan :

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola | Pelaporan Aktiviti Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran | Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran |
| Pelan Tindakan SPAR | Inisiatif Pelaksanaan SPAR | https://www.mbjb.gov.my/ms/SPARmbjb |
| Laporan Aktiviti Fungsi Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran | | |

## 10.0 PENAMBAHBAIKAN

### 10.1 Penambahbaikan Berterusan

MBJB secara berterusan menambah baik kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan SPAR MBJB .

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Minit Mesyuarat JTK, peringkat MBJB dan peringkat Negeri | Keputusan Penambahbaikan. | https://apl.mbjb.gov.my/emm |
| Rekod Perolehan Perkakasan/ Perisian Baharu | Perkakasan/Perisian Baharu yang menambahbaik proses kerja | |

### 10.2 Ketakakuran Dan Tindakan Pembetulan

Apabila ketakakuran berlaku, termasuk apa-apa yang timbul daripada aduan atau laporan, MBJB hendaklah:

a) Bertindak balas terhadap ketakakuran itu dan, jika berkenaan;

i) mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya;
ii) menguruskan akibatnya;

b) Menilai keperluan mengambil tindakan menghapuskan penyebab ketakakuran, supaya tidak berulang atau berlaku di tempat lain, dengan cara:

i) menyemak semula dan menganalisis ketakakuran;
ii) menentukan penyebab ketakakuran;
iii) menentukan jika ketakakuran serupa wujud, atau mungkin boleh berlaku;

c) Melaksanakan apa-apa tindakan yang diperlukan;

d) Menyemak semula keberkesanan apa-apa tindakan pembetulan yang diambil;

e) Membuat perubahan dalam SPAR jika perlu.

c) Tindakan pembetulan hendaklah bersesuaian dengan kesan ketakakuran yang dihadapi.

Dokumen Rujukan:

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Borang Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan | Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan | Bahagian Pengurusan Kualiti & Latihan |
| Minit Mesyuarat JTK, peringkat MBJB | Keputusan Penambahbaikan. | https://apl.mbjb.gov.my/emm |

| Nama Dokumen | Perincian | Capaian |
|---|---|---|
| Rekod Tindakan Pembetulan | Perancangan Pelaksanaan Tindakan Pembetulan Bagi Tahun yang Berkenaan | |
| Daftar Risiko Rasuah | Tindakan Untuk Menangani Risiko Dan Peluang | Unit Integriti / Jabatan-jabatan di MBJB |